

# Anak tidak sempat genggam ijazah

Sinar (Kuantan)  
Khamis 14/10/10  
ms 15

Dua keluarga pilu anak meninggal sebelum konvokesyen



■ Tengku Mahkota Pahang menyerahkan transkrip ijazah kepada Sa'adon Sharif, bapa kepada graduan yang meninggal dunia akibat penyakit leukemia.

**KUANTAN** - Ibu bapa kepada Mohd Nasruddin Amir Nazri, 23, graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Mohd Faruq Sa'adun, 23, yang merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam tidak dapat menahan kesedihan apabila anak mereka tidak sempat menerima ijazah kerana meninggal dunia baru-baru ini.

Menurut ibu kepada Nasruddin, Sharifah Rabziah Syed Ali, 53, dia sedih kerana pada hari ini tidak dapat menyaksikan anak bongsunya naik ke atas pentas untuk mengambil ijazah, namun menerimanya sebagai takdir.

"Walaupun cita-cita Nasruddin tidak tercapai untuk menjadi seorang jurutera, namun saya amat berbangga dengan usaha gigihnya selama ini demi mendapat segulung ijazah dalam bidang yang diminatinya.

"Saya cukup merasai kehilangannya kerana dia seorang anak yang baik dan taat pada ibu bapa, selain itu dia suka mengajak saya dan ayahnya

untuk mendengar ceramah di masjid," katanya.

Sharifah berkata, Nasruddin meninggal dunia kerana terbabit dengan kemalangan jalan raya di Jasin, Melaka ketika dalam perjalanan pulang ke kampung halamannya di Felda Lepar Hilir, Gambang setelah tamat latihan industri.

Motosikalnya dikatakan hilang kawalan lalu terbabas sehingga menyebabkan jatuh di jalan arah bertentangan. Nasruddin disahkan meninggal dunia di hospital Jun lalu.

Sharifah berkata, walaupun kini Nasruddin telah tiada, ijazah itu menjadi tanda kenangan untuk mereka sekeluarga.

Sementara itu, Alawiyah Yaakub, 50, berkata, anaknya Mohd Faruq Sa'adun, meninggal dunia kerana menghidapi penyakit leukemia pada bulan lalu.

Menurutnya, Faruq mengidap leukemia sejak berusia 14 tahun lagi, namun dia tidak pernah patah se-

mangat untuk meneruskan pelajaran hingga berjaya menamatkan pengajian di UMP.

"Saya terima dengan reda takdir Tuhan ini dan mengharapkan ianya akan menjadi pendorong kepada tiga adiknya untuk terus belajar bersungguh-sungguh.

"Faruk adalah anak kedua daripada lima orang adik-beradik," katanya semasa Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP di Dewan Kompleks Sukan UMP, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad. Baginda berkenan menyerahkan transkrip kepada dua keluarga itu di kamar Canselor, Kompleks Sukan UMP.

Konvokesyen Ke-5 UMP itu menyaksikan seramai 1,030 graduan dijangka menerima ijazah dan diploma. Dari jumlah itu seorang menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana (enam), Sarjana Muda (826) dan Diploma (196).